

Kikis pendewaan Inggeris

BM - 5 SEP 1962

WALAUPUN telah 25 tahun kita merdeka, dan tidak lagi diperintah penjajah Inggeris, namun sejenis saki baki penjajahan terlalu payah dibuang. Yakni, mentaliti penjajahan.

Dipandang dari satu sudut, timbulnya mentaliti tersebut di kalangan orang-orang yang telah dijajah adalah kejayaan besar penjajah Inggeris. Kejayaan-kejayaan mereka yang lain ialah merampas harta sumber alam negeri, harta pusaka kebudayaan dan keturunan negeri, memecah-belahkan rakyat dari beberapa aspek, memutar-belitkan sejarah tanahair, membunuh pemberontak-pemberontak Melayu yang menentang penjajahan Inggeris, dan memutarakan corak pentadbiran negara supaya kita masih memerlukan penjajah Inggeris di dalam berbagai hal.

Kaum Inggeris telah menjadi raja dan kita, orang Melayu, begitu lama sekali diperhambakan.

Walaupun begitu, mentaliti kolonial yang telah disemaikan pada pentadbir-pentadbir negara sejak merdeka lagi, paling menyedihkan. Dengan cara ini cinta dan kehormatan kepada tanahair, bahasa dan bangsa sendiri telah mendapat tempat kedua. Tempat pertama dirisibkepada bekas penjajah negara ini, iaitu negara Inggeris.

Bagi mereka yang pernah merasainya, bertuanan orang-orang Inggeris di tanahair sendiri, adalah penghinaan yang tiada bandingannya. Tuan-tuan tadi pula bermaharajalela sesuka mereka di negeri ini.

Orang-orang Melayu hanya putih mata melihatnya, seolah-olah dipukau supaya menjadi bodoh. Tetapi, sebodoh-bodoh manusia, bila bertentangan dengan soal kehormatan dirinya sebagai manusia, tentu akan ingin merdeka dari belenggu penjajahan itu.

Dan begitulah keadaannya dengan orang-orang Melayu.

Orang-orang Inggeris telah lebih seratus tahun memerintah negeri ini. Dari kacamata Inggeris, apa yang mereka buat adalah baik bagi kita, walaupun kita mesti mentuankan mereka. Inilah kepintaran tunggal orang-orang Inggeris, supaya orang-orang Melayu, yang memang taat setia, percaya dan menelan saja sebarang hujah Inggeris.

Di sepanjang masa penjajahan, orang-orang Melayu khususnya mengkagumi "kepandaian, kebijaksanaan dan kebolehan" orang putih Inggeris. Kita diajar dan diasuh berfikir seperti itu.

Tetapi, apakah semua ini benar?

Telah bertahun-tahun kita masih mahu mengikut cara-cara Inggeris — baik pentadbiran negara mahupun dalam pengurusan kehidupan seharian. Bertahun-tahun lamanya kesan-kesan Inggeris masih ada dalam kehidupan sehari-hari.

Pengaruh Inggeris masih muncul dalam mentaliti ketika membeli-belah. Barang-barang keluaran Inggeris lebih berkualiti, konon. Apakah ini semua benar?

Sampai kini, ada lagi yang masih mempercayai bahawa sekolah-sekolah serta universiti-universiti Inggeris lebih baik dari orang lain. Apakah ini benar belaka?

Kita juga percaya orang-orang Inggeris hidup makmur dan senang lenang, dan bahawa mereka itu bersih, teratur, berdisiplin dan sebagainya. Tetapi, apakah semua ini benar?

Kepercayaan kita dan kehormatan kita yang tidak langsung tersoal pada makhluk Inggeris ini, menjadi begitu keterlaluan, hingga Inggeris telah menganggap kita sebagai sejenis warganegara kolonial, yang sudah tentu bertaraf kelas rendah sedikit dari mereka. Kedaulatan kita sebagai satu bangsa, diketepikan supaya di suatu hari kelak, ia akan langsung luput.

Inggeris amat senang dengan sikap kita mengagungkan mereka. Oleh itu, sikap mereka mengenai urusan serta hal-hal lain tentang negeri ini, tidak perlu lagi diambil kira sangat tentang pendapat atau fikiran orang-orang Malaysia. Inggeris sudah anggap kita penuh percaya pada mereka.

Semua ini amat mengkagumkan. Kita telah ditipu dan diperbodoh-bodohkan dengan cara yang luar biasa. Luar biasa sebab kita masih hormat, percaya dan menyanjung tinggi orang-orang yang menipu dan membodohkan kita. Hinggakan ramai orang Malaysia yang beria-ia dengan perkahwinan diraja Inggeris, tahu kelahiran bayi diraja Inggeris, atau sebarang yang berlaku di Eng-

■ Kita telah ditipu, dan diperbodoh-bodohkan dengan cara yang luar biasa. Luar biasa sebab kita masih hormat, percaya dan menyanjung orang-orang yang menipu dan membodohkan kita. Hinggakan ramai orang Malaysia yang beria-ia dengan perkahwinan diraja Inggeris, atau kelahiran bayi diraja Inggeris, atau sebarang yang berlaku di England. Atau apa saja yang 'beringgeris'. ■

Oleh ADRI MAHAD

land. Atau, apa saja yang "beringgeris".

Dari sudut ini, makhluk Inggeris bukan saja telah mencuci bersih tangannya dari segala kekotoran yang mereka lakukan ketika penjajahan dahulu, tetapi juga berjaya "mencinggeriskan" fikiran kita.

Sudah berpuluhan tahun kita dihanyutkan oleh mentaliti ini. Hanya sekarang, pada tahun 1982 ini, barulah sikit-sikit orang-orang Malaysia, khususnya Melayu, mencelikkan mata sekali lagi, dan menganalisa pertalian dirinya, sebagai rakyat negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat, dengan penjajah Inggeris.

Sesiapa saja yang pernah ke England, lebih lagi mereka yang pernah hidup di negeri-negeri Barat yang lain, dapat melihat sendiri keadaan sebenarnya. Sebarang kepercayaan kita terhadap keagungan, kepintaran atau kecckapan Inggeris, karut semata-mata.

Kepercayaan kita yang negeri Inggeris kaya raya adalah benar-benar karut, kerana ia adalah antara negeri yang termiskin di Barat. Dulu, memanglah mereka kaya raya, bila segala kekayaan negeri-negeri yang dijajahnya dibawa balik ke England.

Yang kononnya mereka hidup makmur adalah lagi karut. Ramai orang Inggeris

yang miskin — hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ramai yang tiada berpelajaran dan ramai pula yang buta huruf.

Orang Melayu dikecam kerana membuang masa di kedai-kedai kopi, dan kerana itu dianggap malas oleh orang-orang Inggeris. Tetapi, orang-orang Inggeris bukan saja malas bekerja, tetapi juga membuang masa di "pub-pub" — tempat minum arak. Mereka telah sebatu dengan minuman keras, dari kuli kilang hinggalah Inggeris golongan atasan.

Kepercayaan kita yang kerajaan Inggeris adil dan saksama ke atas kaum-kaum kulit hitam di negeri mereka, adalah lagi karut juga. Diskriminasi terang-terang berlaku. Budak-budak jahat kulit putih ("skin head", ahli "national front", dan sebagainya), serta polisnya sendiri sering sekali menghina kaum-kaum bukan putih.

Beberapa kematian kaum kulit hitam, termasuk orang-orang Pakistan, telah berlaku secara jenayah, tetapi Polis Inggeris enggan menyelidikinya kerana kematian itu terbukti akibat perbuatan orang-orang Inggeris kulit putih.

Pengarang-pengarang Inggeris telah

kin itu. Tetapi, Kerajaan Inggeris menutup mata sebelah terhadap masalah orang-orangnya sendiri.

Kita pula telah diasuh supaya memikir yang England ialah negeri yang makmur, maju dan termoden. Ini satu bahan ketawa.

Jika dibandingkan dengan Amerika Syarikat, Perancis, Jerman Barat, Holland, Denmark, Sweden, Norway, Kanada, Australia, Jepun dan negara-negara maju lain, negara Inggeris nyata sekali bertahun-tahun terkebelakang, baik dari segi teknologi maupun dalam bidang-bidang seperti sains, kejuruteraan, pertanian, kesihatan, industri dan pelajaran.

Sudah tentulah jika dibandingkan Malaysia dengan negeri Inggeris, negeri kita masih di belakang. Tetapi, negara Malaysia baru berumur 25 tahun, sebelum itu negeri kita telah dijajahi Inggeris. Dari dulu lagi penjajah Inggeris tidak mahu kita maju.

Apa saja kepercayaan kita terhadap Inggeris, perlu dipersoalkan sekarang, setelah 25 tahun merdeka. Kuasa dan kemakmuran Inggeris mulai ranap, dan perlahan-lahan ia akan luput langsung untuk mempunyai sebarang pengaruh lagi kepada dunia.

Negara itu telah dilanda sejenis penyakit, yang dikenali di dunia Barat sebagai "the English disease". Industrinya tidak lagi subur, pekerja-pekerjanya asyik mogok, barang-barang keluarannya tidak lagi bermutu.

Di antara orang-orang yang telah dijajah Inggeris, mungkin ada lagi mereka yang degil dan masih mahu mendewa atau mengagungkan Inggeris. Mungkin bagi orang-orang begini, tidak ada ubatnya. Dan sebaik-baiknya, patutlah mereka berhijrah ke negeri tersebut. Adanya mereka di sini akan hanya memalukan kedaulatan bangsa Melayu, dan kemerdekaan negeri ini.

Namun, sebagai orang-orang Melayu, sedih juga kita mengenangkan bila Melayu sendiri tidak gemarkan keturunan Melayunya, atau sebarang lain yang "Melayu". Ramai juga di antara mereka ini yang merasai statusnya akan lebih tinggi jika lebih berdampingan dengan cara-cara Inggeris dalam kehidupan

■ Kita pula telah diasuh supaya memikir yang England ialah negeri makmur dan maju dan termoden. Ini satu bahan ketawa. Jika dibanding dengan Amerika Syarikat, Perancis, German Barat, Holland, Denmark, Sweden, Norway, Kanada, Australia, Jepun dan negara2 maju lain, negara Inggeris nyata sekali bertahun-tahun terkebelakang, baik dari segi teknologi mahupun bidang2 lain. ■

banyak menulis buku tentang 13 Mei, 1969 di Malaysia, tetapi di negerinya sendiri, kekacauan perkauman yang lebih teruk pun berlaku juga. Prejudis dan kebencian mereka terhadap orang-orang asing amat jelas. Segala sampah yang mereka sapukan ke bawah tikar sekarang, sudah terkeluar berselerak. Belang Inggeris kini diketahui.

Bandar-bandar Inggeris banyak yang kotor. Begitu juga kebanyakan rumah mereka, lebih-lebih lagi yang di kelas bawahan.

Kota London, secara bandingan, amat kotor, tercemar dan bising. Air paip di kota Glasgow amat bahaya diminum, kandungan bahan logam pelambam dalam air tersebut paling tertinggi berbanding dengan di bandar-bandar Eropah. Paip saluran air buatan pelambam yang berumur lebih seratus tahun itu, tidak diganti-ganti.

Bandar-bandar lain, seperti Manchester atau Birmingham, tidak kurang juga kotor dan tercemar udaranya.

Rumah-rumah orang Inggeris kelas bawahan banyak yang tidak memuaskan dari segi kesihatan dan keselamatan. Banyak rumah mereka yang ditumbuhi cendawan dan tidak dipedulikan. Ramai yang terlalu miskin dan tidak mampu memanaskan rumah ketika musim sejuk.

Bagi kita, yang melihatnya sahaja, amat kasihan melihat penderitaan golongan mis-

seharian.

Sedih sekali kita mengetahui bahawa terdapat lagi orang-orang Melayu yang lebih membanggakan bahasa Inggeris dari bahasa ibundanya sendiri.

Orang-orang Inggeris telah lebih seratus tahun menghambakan kita. Mereka merampas kekayaan negara, membawa masuk masalah perkauman, menindas orang-orang Melayu, bukan saja dari segi pelajaran, tetapi juga kemampuan berfikir sendiri.

Bagi mereka yang mengetahuinya, sikap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam mengalih pandangan dari buntuan kepada Inggeris semata-mata adalah tindakan yang amat waras, matang, dan 25 tahun terlewat.

Apakah keistimewaannya merdeka jika kita tidak memahami apa erti sebenarnya "merdeka", atau tidak sebenar-benarnya boleh "memerdekakan" diri kita dari mentaliti penjajahan?

Menghambakan diri, walaupun dari segi mentaliti, pada sebarang yang "Inggeris", nyata sekali tidak boleh diterima akal dan menjatuhkan maruah bangsa dan negara, setelah begitu lama kita dihinakan. ■